



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan

Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA TERHADAP BANTAHAN KE ATAS PELAKSANAAN SISTEM eVetPermit

PUTRAJAYA, 22 Ogos 2025 - Merujuk kepada laporan berita yang disiarkan oleh Kosmo bertajuk '**42 hari lulus permit pindah ternakan terlalu lama**' bertarikh 19 Ogos 2025 dan laporan berita oleh Sinar Harian bertajuk '**Penternak bantah pelaksanaan e-Permit, ternakan mati sebelum dipindahkan**', juga bertarikh 19 Ogos 2025, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) ingin memberi maklum balas berhubung perkara tersebut.

Sistem eVetPermit 3.0 telah mula beroperasi dan digunakan bagi tujuan pengeluaran permit pemindahan ternakan dan hasil haiwan, berkuat kuasa mulai 3 Ogos 2025 di seluruh Semenanjung Malaysia. Selaras dengan pelaksanaan ini, beberapa proses kerja berkaitan pengeluaran permit telah ditambah baik. Secara umumnya, prosedur, tempoh pengeluaran, dan tempoh sah laku permit masih kekal seperti yang telah ditetapkan sebelum ini. Namun, sistem baharu ini lebih memudahkan, iaitu pemohon kini boleh membuat permohonan permit serta mengemukakan maklumat dan dokumen sokongan untuk tujuan pengesahan secara dalam talian (*online*).

Dengan adanya sistem yang lebih baik ini, ia dapat mengurangkan risiko pemindahan ternakan tanpa pengesahan sumber dan status kesihatan ternakan, sekali gus membantu kawalan jangkitan penyakit pada ternakan di peringkat negeri dan negara. Satu sesi taklimat dan libat urus telah diadakan di seluruh negara pada 31 Julai 2025, melibatkan penyertaan secara dalam talian serta kehadiran fizikal para penternak di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah, Negeri Terengganu, bagi memberi penerangan lanjut mengenai pelaksanaan sistem baharu ini.

Merujuk kepada isu yang dibangkitkan oleh sekumpulan 20 orang pengusaha di Negeri Terengganu dan antaranya merupakan pedagang (*traders*), ingin dijelaskan bahawa semua syarat pemindahan ternakan yang digunakan dalam

Sistem eVetPermit 3.0 adalah selaras dengan syarat pemindahan sedia ada yang dikuatkuasakan di seluruh Semenanjung Malaysia seperti yang telah diterangkan semasa sesi perjumpaan.

Permit pemindahan dikeluarkan dalam tempoh 1 hingga 3 hari bekerja bagi semua permohonan yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sehingga 17 Ogos 2025, sebanyak 424 permit telah diluluskan melalui sistem eVetPermit 3.0, yang mula berkuat kuasa pada 3 Ogos 2025. Daripada jumlah tersebut, 385 permit melibatkan pemindahan dalam Negeri Terengganu, manakala 39 permit melibatkan pemindahan antara negeri, yang semuanya telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu (JPVNT). Oleh itu, dakwaan berhubung isu kelewatan adalah tidak berasas.

JPVNT juga telah melaksanakan program pemvaksin secara berjadual bagi tujuan kawalan dan pencegahan penyakit, termasuk suntikan vaksin penyakit Kuku dan Mulut (FMD) sebanyak 15,000 hingga 16,000 dos setahun. Sehingga Julai 2025, sejumlah 11,098 suntikan vaksin FMD telah diberikan kepada ternakan ruminan tempatan di Negeri Terengganu. Justeru, pemindahan ternakan tempatan yang telah divaksin untuk tujuan pemeliharaan tidak lagi perlu melalui proses pemvaksin P1 dan P2 yang biasanya mengambil masa antara 28 hingga 42 hari sebelum pemindahan ternakan boleh dilakukan.

Walau bagaimanapun, bagi ternakan ruminan yang tidak mempunyai sebarang rekod kesihatan ternakan, serta tidak diketahui sumbernya dengan jelas, ternakan ini perlu melalui prosedur pemvaksin tersebut. Ini kerana, ternakan yang tidak divaksin adalah terdedah kepada risiko jangkitan penyakit semasa proses pemindahan dilakukan. Jangkitan penyakit boleh memberi impak yang besar dalam industri penternakan khususnya di Negeri Terengganu dan Malaysia secara amnya.

Sehubungan itu, ternakan terlibat akan dikuarantin di bawah Seksyen 18(2) Akta Binatang 1953 serta diberikan suntikan vaksin FMD sebanyak dua kali (dos pertama – P1 dan dos kedua – P2) dengan jarak antara dos antara 28 hingga 35 hari dan pemindahan ternakan ini hanya boleh dilakukan selepas 14 hari daripada suntikan P2 untuk memastikan imuniti ternakan tersebut adalah yang terbaik. Prosedur ini adalah wajib dan telah ditetapkan di bawah Syarat Pemindahan Haiwan dan Produk Haiwan Antara Negeri dan Dalam Negeri di Semenanjung Malaysia Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan, yang telah berkuatkuasa bermula 1 Disember 2023. Semasa tempoh antara pemvaksin P1 dan P2, ternakan adalah disimpan di premis pemilik sehinggalah ternakan-ternakan telah sesuai bergerak ke destinasi.

Jabatan ini melalui semua Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri (JPV Negeri) sentiasa komited dalam membantu dan memudahkan para penternak melaksanakan program pemvaksinan ke atas ternakan yang belum divaksin. Antara perkhidmatan yang disediakan termasuklah kaunter pendaftaran eVetPermit 3.0, khidmat nasihat berkaitan permohonan vaksin, urusan pendaftaran, serta pelbagai kemudahan lain yang diperlukan oleh pemain industri.

Sehubungan itu, semua pemain industri diharap dapat memberikan kerjasama penuh dalam pelaksanaan program pemvaksinan bagi memastikan proses pemindahan ternakan dapat dilakukan segera apabila diperlukan, selaras dengan keperluan syarat pemindahan yang bertujuan mengurangkan risiko jangkitan penyakit ternakan.

Memandangkan sistem ini masih dalam peringkat awal pelaksanaan, beberapa isu teknikal yang tidak dapat diselesaikan di peringkat JPV Negeri akan disalurkan kepada Pentadbir Sistem di DVS Putrajaya untuk tindakan penambahbaikan segera. Para pelanggan disarankan untuk menghubungi Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) atau JPV Negeri yang terdekat bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung perkara ini.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
22 OGOS 2025**